



DR 2 TAHUN 2011
DEWAN RAKYAT YANG KEDUABELAS
PENGKAL KEEMPAT

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
MENGENAI:

**PENGURUSAN PEMBANGUNAN PELABUHAN
ANTARABANGSA TUNA MALAYSIA (MITP)**



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARLIMEN KEDUA BELAS

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia (MITP)	2
2.	Pandangan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	16
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 27/2010 pada 30 November 2010	19
	b. Bilangan 1/2011 pada 4 Januari 2011	20
	c. Bilangan 6/2011 pada 22 Mac 2011	21
	d. Bilangan 7/2011 pada 23 Mac 2011	22
	e. Bilangan 8/2011 pada 29 Mac 2011	23
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 27/2010 pada 30 November 2010	
	b. Bilangan 1/2011 pada 4 Januari 2011	
	c. Bilangan 6/2011 pada 22 Mac 2011	
	d. Bilangan 7/2011 pada 23 Mac 2011	
	e. Bilangan 8/2011 pada 29 Mac 2011	
5.	Dokumen Lampiran	

LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA TERHADAP PENGURUSAN PEMBANGUNAN PELABUHAN ANTARABANGSA TUNA MALAYSIA (MITP)

1. LATAR BELAKANG

1.1 Kompleks Pendaratan Ikan LKIM di Batu Maung, Pulau Pinang yang dibina pada tahun 1979 oleh Jabatan Perikanan Malaysia telah diserahkan kepada LKIM pada tahun 1984 bagi menjalankan operasi pendaratan ikan. Pada bulan November 1993, LKIM dengan bantuan Bank Pembangunan Asia (ADB) telah melaksanakan kajian pra-feasibiliti mengenai pembangunan pelabuhan pendaratan tuna di Batu Maung. Rancangan untuk membangun Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia bermula daripada idea YBhg. Dato' Annuar Zaini Bin Haji Binyamin yang ingin memajukan industri tuna di Malaysia berasaskan kepada laporan daripada ADB mengenai industri tuna di Pulau Pinang dan pengalamannya di luar Negara. Pada akhir tahun 1999, beliau telah mengemukakan rancangannya kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). LKIM bersetuju dengan cadangan ini dan memintanya menyediakan kertas cadangan sebelum dikemukakan kepada Jemaah Lembaga LKIM.

1.2 Pada 8 April 2002, Jemaah Lembaga LKIM telah meluluskan cadangan syarikat Bindforce Sdn. Bhd. untuk membina dan menjalankan operasi pelabuhan antarabangsa tuna di Batu Maung secara usaha sama dengan LKIM. YBhg. Dato' Annuar Zaini Bin Haji Binyamin memiliki 77% saham dalam syarikat ini. Pada 10 Mei 2002, LKIM dan Bindforce Sdn. Bhd. menandatangani *Memorandum of Agreement* untuk membina kompleks pendaratan tuna secara usahasama.

1.3 Pada 7 Ogos 2002, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memohon Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk menyokong projek ini selaras dengan pelan pembangunan industri tuna. Pada 25 Februari 2003, UPE telah meluluskan penswastaan pelabuhan Batu Maung antara LKIM dengan syarikat Bindforce Sdn. Bhd. Pada 21 Oktober 2003, LKIM telah mengemukakan draf Perjanjian Konsesi kepada UPE untuk pertimbangan. Beberapa mesyuarat telah diadakan antara UPE dengan agensi Kerajaan yang lain untuk mengkaji draf Perjanjian Konsesi ini.

1.4 Sehubungan ini, sebuah syarikat usaha sama iaitu Malaysian International Tuna Port Sdn. Bhd. (MITP Sdn. Bhd.) telah ditubuhkan pada 12 April 2004 dengan modal dibenarkan berjumlah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM27 juta

yang terdiri daripada RM2.00 dalam bentuk tunai dan RM26,999,998 dalam bentuk selain daripada tunai (*otherwise than in cash*). Pegangan ekuiti syarikat Bindforce Sdn. Bhd. dalam MITP Sdn. Bhd. adalah sebanyak 60% dan LKIM bagi pihak Kerajaan sebanyak 40% iaitu melalui nilai sewaan tanah LKIM seluas 20 ekar dan tanah milik Kerajaan Persekutuan seluas 5 ekar.

1.5 Pada 8 Julai 2004, mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan Kementarian Pertanian dan Industri Asas Tani membincang kertas kabinet dan Perjanjian Konsesi yang telah dikaji oleh UPE. Jemaah Menteri meluluskan penswastaan Kompleks LKIM Batu Maung kepada MITP Sdn. Bhd. pada 22 September 2004 dan seterusnya pada 27 September 2004 Jawatankuasa Penswastaan UPE memaklumkan keputusan Jemaah Menteri. Perjanjian konsesi penswastaan secara Bina-Operasi-Pindah selama 32 tahun telah ditandatangani antara MITP Sdn. Bhd. dengan LKIM pada 16 Disember 2004. Mengikut perjanjian konsesi, MITP Sdn. Bhd. bertanggungjawab membangunkan pelabuhan tuna bertaraf antarabangsa di atas tapak seluas 25 ekar.

2. OBJEKTIF PEMERIKSAAN OLEH JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara menjalankan pemeriksaan terhadap pelaksanaan Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia (MITP) kerana isu ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009. Sehubungan itu, selaras dengan mandat yang diberi dibawah Perkara 77(1) Peraturan-peraturan Majlis Dewan Rakyat, Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- a) Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan projek ini tidak dapat diteruskan walaupun sejumlah RM95 juta telah dikeluarkan untuk membiayai projek ini oleh Malaysian International Tuna Port Sdn. Bhd.
- b) Mengesyorkan tindakan-tindakan yang patut diambil terhadap pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan wang awam.
- c) Mengesyorkan tindakan yang patut diambil oleh Kerajaan untuk memanfaatkan projek yang telah dibangunkan untuk mendapat *value for money* daripada perbelanjaan besar yang telah dibuat.

3. SKOP DAN METODOLOGI PEMERIKSAAN

3.1 Pemeriksaan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia dan ia dijalankan melalui pendekatan berikut:

- a) Berasaskan kepada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.
- b) Memanggil pihak yang terlibat dengan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan.
- c) Membuat lawatan ke projek berkenaan.

3.2 Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah melawat tapak Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia di Batu Maung, Pulau Pinang pada 12 Januari 2011.

4. HASIL PEMERIKSAAN

4.1 Pembangunan Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia (MITP)

4.1.1 Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia di Batu Maung, Pulau Pinang berjumlah RM243.38 juta yang merangkumi 3 fasa dan ditanggung sepenuhnya oleh MITP Sdn. Bhd. melalui pinjaman berjumlah RM240 juta dalam bentuk bon daripada OSK Investment Bank Bhd. Projek ini sepatutnya siap pada bulan Mei 2009.

4.1.2 Fasa 1 yang melibatkan kerja-kerja Peningkatan Kemudahan Pendaratan Dan Pengendalian Ikan Tuna yang berharga RM9.60 juta dan dibangunkan atas tanah Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG). Kemudahan yang dibangunkan terdiri daripada bangunan, dermaga, jambatan yang menyambungkan dermaga dengan daratan (*linkway bridge*) dan utiliti seperti perkhidmatan membekalkan elektrik dan air. Pembangunan ini telah dilaksanakan sebelum perjanjian konsesi ditandatangani. Syarikat Bindforce Sdn. Bhd. telah mendapat kemudahan *bridging loan* berjumlah RM9.60 juta daripada sebuah bank perdagangan tempatan untuk melaksanakan pembangunan Fasa 1 dan telah siap pada 3 Julai 2008.

4.1.3 Pembangunan Fasa 2 terdiri daripada kerja-kerja Memanjangkan Jeti Dan Kerja-Kerja Pengorekan Mendalamkan Laluan Bot yang berharga RM12.98 juta. Kerja tersebut termasuk memanjangkan jeti daripada saiz asal 100 meter kepada 147 meter dan mendalamkan laluan di kawasan perairan pelabuhan

bagi membolehkan bot tuna sehingga 800 *Gross Registered Tonnage* (GRT) dapat mendarat di MITP Batu Maung. Projek ini juga dibangunkan di atas tanah KPTG dan telah siap sepenuhnya. Perbelanjaan bagi Fasa 2 ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat Bindforce Sdn. Bhd.

4.1.4 Pembangunan Fasa 3 dengan kos berjumlah RM168.90 juta merupakan Pelabuhan Utama terdiri daripada pembangunan berikut:

- Terminal Antarabangsa;
- Pengorekan Mendalam Laluan;
- Struktur Pemecah Ombak;
- Surau, Tapak Diesel;
- Fasiliti Utiliti, Loji Kumbahan; dan
- Infrastruktur Berkaitan.

Bagaimanapun, kerja-kerja pembangunan telah diberhentikan semenjak bulan September 2007. Semasa lawatan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ke tapak pembangunan Fasa 3 di Batu Maung, Pulau Pinang pada 12 Januari 2011, di fahamkan kemajuan kerja bagi pembinaan pelabuhan ini adalah sebanyak 8% sahaja.

Pandangan/Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Kerajaan berkemungkinan mengalami kerugian sebanyak RM209 juta kerana ketidakupayaan MITP Sdn. Bhd. melaksanakan Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia.

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia serta Unit Perancang Ekonomi sepatutnya melaksanakan *due diligence* untuk menentukan keupayaan aliran tunai dan kemampuan Bindforce Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek pelabuhan tuna ini. Unit Perancang Ekonomi yang membuat keputusan muktamad mengenai projek penswastaan ini juga perlu bertanggungjawab terhadap kegagalan projek ini.

4.2 Pematuhan Kepada Peraturan Jabatan Alam Sekitar Dan Jabatan Perikanan Malaysia

4.2.1 Kerja pengorekan dan pelupusan selut bagi Fasa 1 dan Fasa 2 telah diluluskan oleh Jabatan Laut Semenanjung, Wilayah Utara. Kerja pengorekan dan pelupusan selut bagi Fasa 3 yang bermula pada 9 Oktober 2007 perlu mematuhi 19 syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Antara syarat tersebut ialah pemasangan sistem pemantauan automatik iaitu *Hopper Barge Monitoring and Sensoring System* dan Laporan *Hidraulik* berkenaan alam sekitar perlu disediakan oleh MITP Sdn. Bhd. Selain itu, JAS telah mengarahkan supaya tapak pelupusan selut dipindahkan dari 5 batu nautika ke 9 batu nautika di Barat Daya Pulau Kendi. MITP Sdn. Bhd. telah merayu kepada JAS supaya tapak pelupusan selut di kekalkan di Pulau Kendi kerana pemindahan ini melibatkan kos tambahan. MITP Sdn. Bhd. telah mematuhi semua syarat dan JAS telah memberi kelulusan pada 17 November 2008.

4.2.2 Berdasarkan laporan kajian EIA dan Hidrografi di perairan Batu Maung, MITP Sdn. Bhd. telah meminta Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) untuk mengalihkan 12 penternak ikan dalam sangkar bagi mengelakkan kualiti air terjejas. Kerja pengorekan bagi pembinaan struktur pemecah ombak boleh mengakibatkan ikan mati dan penternak mengalami kerugian serta menuntut pampasan. DOF mengambil masa dari bulan September 2008 hingga Julai 2009 untuk memindah kesemua penternak ikan dalam sangkar.

Pandangan/Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Memandangkan masa yang lama diambil untuk mematuhi kehendak Jabatan Alam Sekitar dan memindah penternak ikan dalam sangkar, MITP Sdn. Bhd. tidak dapat meneruskan projek ini walaupun sejumlah RM30 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan Fasa 3.

4.3 Peranan LKIM Sebagai Pengarah Projek

4.3.1 Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009, mengikut Perjanjian Konsesi, LKIM hendaklah melantik Pengarah Projek untuk menyelia kerja pembinaan projek pada bila-bila masa bagi memastikan syarikat konsesi melaksanakan tanggungjawabnya. Hak penyeliaan LKIM antaranya adalah seperti melawat/memeriksa projek dan syarikat konsesi, memeriksa rekod di tapak pembinaan dan meminta daripada syarikat konsesi laporan kemajuan bulanan berkaitan kerja pembinaan projek.

4.3.2 Pengarah Projek sepatutnya dilantik oleh LKIM sebaik sahaja perjanjian konsesi ditandatangani pada bulan Disember 2004 bagi memastikan LKIM dapat memantau dengan berkesan projek pembangunan yang dijalankan oleh MITP Sdn. Bhd. dan menjaga kepentingan Kerajaan. Bagaimanapun, pada 12 Februari 2009 LKIM telah melantik Pengarah Bahagian Kejuruteraannya sebagai Pengarah Projek dan memaklumkan kepada MITP Sdn. Bhd. tetapi pegawai ini tidak pernah menghadiri mesyuarat tapak serta tidak membuat pengesahan terhadap kerja yang telah dilaksanakan.

Pandangan/Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Jawatankuasa berpendapat wujud unsur kecuaiian (*negligence*) dan kelemahan pengurusan yang ketara yang dilakukan oleh pihak pengurusan LKIM kerana wakil LKIM yang dilantik untuk memantau projek tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab sewajarnya. Ketua Pengarah LKIM yang berada dalam Lembaga Pengarah MITP Sdn. Bhd. sepatutnya memberi perhatian serius terhadap pemantauan projek ini untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

4.4. Pembiayaan Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia Melalui Penerbitan Bon

4.4.1 OSK Investment Bank Bhd telah menawarkan penerbitan Bon Bai' Bithaman Ajil Islamic Securities (BAIS) bernilai RM240 juta kepada MITP Sdn. Bhd. bagi membiayai kos projek. Pengatur Utama (*Lead Arrangers*) bagi penerbitan BAIS adalah OSK Investment Bank Bhd. dan RHB Investment Bank Bhd. dan setiap pengatur utama telah melanggan bon tersebut sejumlah RM120 juta. MITP Sdn. Bhd perlu mengekalkan penarafan A⁺_{ID} (*A Plus Islamic Debt*) daripada *Malaysian Rating Corporation* Bhd untuk memperoleh bon tersebut.

4.4.2 Sehubungan dengan itu, pada 8 September 2006, Ketua Pegawai Operasi MITP Sdn. Bhd telah memohon daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani untuk mengeluarkan surat sokongan kepada OSK Investment Bank Bhd bagi menyatakan **komitmen Kerajaan** terhadap projek ini. Draf **surat sokongan** itu disertakan bersama untuk tindakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Antara kandungan **surat sokongan** ini seperti berikut;

"The viability of MITP, including the ability to incur borrowings and repay the borrowings in a timely manner is critical to ensure the successful implementation and completion of the project as envisaged by the government. As such:

*(a) we shall at all times in the future **to ensure** that MITP is in the position to meet (and do meet on a full and timely basis) their liabilities in respect of all amounts borrowed for so long as the amount in respect of the borrowings remain outstanding; and*

(b) we shall not take any action nor cause MITP to take any action which may result in MITP being unable to perform its obligations in respect of its borrowings.

This letter is strictly limited to the points above and there is no express or implied guarantee with regards to the borrowings of MITP.

4.4.3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), telah meminta pandangan daripada Penasihat Undang-Undang Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Penasihat Undang-undang Kementerian, dalam memonya, menyatakan tidak bersetuju mengenai penggunaan perkataan "**ensure**" digunakan dalam perenggan 2(a) kerana ia membawa makna "menjamin/memastikan/menentukan" dan kemungkinan membawa implikasi undang-undang kepada Kerajaan. Selain itu, beliau juga tidak setuju dengan perenggan 2(b) kerana boleh memberi kesan kepada hak-hak Kerajaan dalam "*concession agreement*" dan boleh ditafsirkan sebagai *undertaking* Kerajaan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan jika ada pelanggaran syarat oleh MITP.

4.4.4 Pada 15 September 2006, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah menghantar surat sokongan yang telah dipinda kepada OSK Trustees Bhd. yang meminda perenggan 2(a) dan 2(b) kepada berikut:

*" In order to successfully implement and complete this project of national importance, MITP needs to borrow and we are **confident** of MITP's ability*

to incur and repay the borrowings in a timely manner. This however, is not an express or implied guarantee with regards to the borrowing of MITP.”

4.4.5 Pada 22 September 2006, Ketua Pegawai Eksekutif MITP Sdn. Bhd. telah mengemukakan surat rayuan kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani semasa itu, dengan menyatakan pihaknya **sangat memerlukan surat sokongan** daripada Kementerian untuk segera memperoleh pinjaman kewangannya. Mengikut beliau, surat sokongan yang diperlukan daripada pihak Kementerian ini hanyalah sebagai surat pengesahan untuk menegaskan lagi terhadap apa yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Syer. Ia dalam apa jua keadaan **tidak akan membawa maksud atau diertikan sebagai jaminan daripada Kerajaan** bagi pinjaman oleh MITP Sdn. Bhd. Seterusnya Y. Berhormat Menteri telah meminta pegawai Undang-undang Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani menyemak dahulu surat ini sebelum membuat keputusan.

4.4.6 Pada 26 September 2006, Timbalan Setiausaha Bahagian, Industri, Tanaman, Ternakan dan Perikanan telah memaklumkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) Pertanian Dan Industri Asas Tani bahawa wakil MITP Sdn. Bhd. telah berjumpa dengannya dan Penasihat Undang-Undang Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani pada 22 September 2006 untuk menerangkan bahawa surat sokongan yang dikeluarkan tidak dapat diterima kerana tidak kukuh dan tidak berasaskan kepada draf yang telah diberi. Perkara ini seterusnya dibincangkan dengan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), dan beliau berpendapat padangan asal Kementerian wajar dikekalkan.

4.4.7 Pada 2 Oktober 2006, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah mengemukakan surat sokongan yang baru kepada Ketua Pegawai Eksekutif, OSK Trustees Bhd. yang antaranya menyatakan seperti berikut:

MITP has to incur borrowing in order to implement this important national project. By virtue of this, we confirm the viability of MITP, including its ability to incur borrowings and repay which is critical to ensure the successful implementation and completion of the project as envisaged by the government through the said Concession Agreement dated 16 December 2004 and October 2004 and the Supplementary Agreement to the said Shareholders' Agreement signed on 1 August 2005 where the Government through LKIM:

(a) *Ensures that MITP is in the position to meet (and do meet on a full and timely basis) their liabilities in respect of all amounts borrowed for so long as the amount in respect of the borrowings remain outstanding; and*

(b) *Provide all necessary support to MITP and also ensured that MITP shall not take any detrimental action which may cause MITP not being able to perform its obligations in respect of its borrowings.*

This letter is strictly limited to the points raised in paragraph 2 (a) and (b) above and there is no express or implied guarantee with regards to the borrowing of MITP.

KSU Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani semasa itu telah memaklumkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara bahawa beliau tidak mengetahui mengenai surat sokongan yang dikeluarkan pada 2 Oktober 2006 kepada OSK Trustees Bhd.

Pandangan/Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Berpandukan kepada perenggan 4.4.3 di atas, penasihat Undang-undang Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani memaklumkan bahawa perkataan “*ensure*” yang dinyatakan dalam surat sokongan yang dikeluarkan membawa makna “menjamin/memastikan/menentukan” dan berkemungkinan membawa implikasi undang-undang kepada Kerajaan. Dengan itu, surat sokongan yang dikeluarkan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) bersifat jaminan daripada Kerajaan yang meletakkan tanggungan terhadap Kerajaan. Surat ini dikeluarkan tanpa mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Tatacara Kewangan 1957.

Selain itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) juga merupakan wakil Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dalam Lembaga Pengarah MITP Sdn. Bhd pada ketika itu. Memandangkan beliau juga yang menandatangani surat sokongan itu, secara tidak langsung sama ada disedari atau tidak disedari wujud unsur-unsur *conflict of interest* dalam kes ini.

Kementerian Kewangan hendaklah memastikan setiap pegawai yang dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah tidak mempunyai kepentingan dalam membuat keputusan bagi mengelakkan *conflict of interest*.

4.5 Kelulusan dan Pengeluaran Bon BAIS Oleh MITP Sdn. Berhad

4.5.1 Mengikut *Information Memorandum* yang dikeluarkan oleh MITP Sdn. Bhd. kepada OSK Investment Bank dan RHB Investment Bank bertarikh 10 April 2007, bon BAIS yang diterbitkan akan diguna untuk tujuan berikut:

TUJUAN PENGGUNAAN BON BAIS YANG DITERBITKAN

<i>PURPOSE</i>	<i>AMOUNT OF PROCEEDS (UP TO RM)</i>
<i>i. Firstly, for payment of fees and expenses relating to issuance of the BAIS and the Bridging Loan.</i>	3,200,000
<i>ii. Secondly, to pre-fund the FSRA-1 with 2 profit payments.</i>	22,000,000
<i>iii. Thirdly, to pre-fund the FSRA-2 with all profit payments due and payable during the construction period of the remaining Additional Facilities.</i>	33,000,000
<i>iv. Fourthly, for repayment/refinancing of the Bridging Loan.</i>	40,000,000
<i>v. Fifthly, for financing the construction cost (including related fees and expenses) of the remaining Additional Facilities.</i>	135,000,000
<i>vi. Sixthly, for purchase of Ancillary Facilities.</i>	6,000,000
<i>vii. Lastly, for working capital requirements of MITP.</i>	800,000
Total	240,000,000

4.5.2 Pinjaman yang diperoleh melalui *bridging loan* yang berjumlah RM40 juta telah digunakan bagi tujuan berikut:

- a) *Up to RM10 million to bridge finance the refinancing of the Loan Facility of up to RM10 million granted to Bindforce Sdn. Bhd. incurred to finance the construction of the Upgraded Works pending issuance of the BAIS; and*
- b) *Up to RM30 million to bridge MITP's funding requirements to part finance the remaining Additional Facilities and Ancillary Facilities, pending issuance of the BAIS.*

Pihak OSK Trustees Bhd. telah memaklumkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara bahawa sehingga akhir tahun 2008, sejumlah RM95 juta telah dikeluarkan oleh MITP Sdn. Bhd. daripada keseluruhan pinjaman berjumlah RM240 juta. Pengeluaran ini terdiri daripada RM55 juta *profit payment* dan RM40 juta *bridging loan*. Baki wang yang tidak dikeluarkan oleh MITP Sdn. Bhd. telah dilaburkan oleh OSK Trustees Bhd. dan telah memperoleh keuntungan berjumlah RM20 juta. Memandangkan MITP Sdn. Bhd. telah memberhentikan pembangunannya dan tidak lagi menggunakan pinjaman ini, OSK Trustees Bhd. telah memulangkan baki pinjaman berjumlah RM160 juta yang terdiri dari

RM145 juta bon yang diterbitkan dan RM20 juta keuntungan kepada pemegang bon.

4.6 Kegagalan MITP Sdn. Bhd. Menjelaskan Pinjaman Bon Bai' Bithaman Ajil Islamic Securities (BAIS)

4.6.1 Apabila MITP Sdn. Bhd. telah gagal menjelaskan bayaran terhadap pinjaman yang diambil, OSK Trustees Bhd. telah meminta sejumlah RM45 juta didepositkan ke *Disbursement Account* sebagai jaminan projek tersebut diteruskan dan sejumlah RM23 juta bagi faedah yang dikenakan terhadap pinjaman tersebut. Bayaran ini perlu dimasukkan selewat-lewatnya pada 21 November 2008. Sekiranya bayaran tidak dibuat, perjanjian OSK Trustees Bhd. dengan MITP Sdn. Bhd akan terbatal dan MITP Sdn. Bhd perlu membayar balik pinjaman bon yang telah diambil berjumlah RM208.62 juta termasuk bayaran keuntungan.

4.6.2. MITP Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani untuk mendapatkan pinjaman mudah daripada Kerajaan berjumlah RM70 juta sebagai *bridging loan* bagi menamatkan pinjaman bon dengan OSK Investment Bank Bhd. Bagaimanapun, Kerajaan tidak meluluskan pinjaman tersebut kerana ini bertentangan dengan perjanjian konsesi.

4.6.3. Pada 30 April 2009, OSK Trustees Berhad telah mengadakan mesyuarat dengan MITP Sdn. Bhd dan wakil Kerajaan mengenai isu bon BAIS. MITP Sdn. Bhd. bersetuju untuk menebus bon BAIS selewat-lewatnya pada 17 November 2009. Sekiranya MITP Sdn. Bhd. gagal menjelaskan sekurang-kurangnya faedah sejumlah RM23 juta, pemegang bon OSK Trustees Bhd. berhak meletakkan status *event of default* terhadap MITP Sdn. Bhd. Sehingga akhir tahun 2009, MITP Sdn. Bhd. masih gagal menjelaskan bayaran tersebut dan pihak OSK Trustees Bhd. telah mengisytiharkan *event of default* pada 6 Januari 2010 terhadap MITP Sdn. Bhd.

4.6.4 OSK Trustees Bhd. telah memfailkan permohonan penghakiman (*summary judgment*) dan berjaya mendapatkan penghakiman yang memerintahkan supaya MITP Sdn. Bhd. membayar wang yang dituntut serta kos dan gantirugi tambahan kepadanya berjumlah RM209 juta pada 19 Oktober 2010.

4.6.5 Pada 29 Mac 2011, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah meminta wakil daripada Majlis Penasihat Syariah Bank, Bank Negara Malaysia dan wakil daripada OSK Investment Bank Bhd. serta RHB Investment Bank Bhd. untuk menerangkan mengenai perkiraan Bon Bai' Bithaman Ajil Islamic Securities (BAIS) yang diambil oleh MITP Sdn. Bhd. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ingin mengetahui mengapa pinjaman yang dikeluarkan kepada MITP Sdn. Bhd. oleh OSK Investment Bank Bhd. berjumlah RM95 juta (**sila rujuk lampiran**) yang terdiri

daripada RM40 juta bagi bayaran balik *Bridging Loan* dan RM55 juta bayaran keuntungan (*profit payments*) tetapi perlu membayar balik RM209 juta.

4.6.6 Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah dimaklumkan bahawa BAIS dikeluarkan melalui perjanjian jual dan beli mengikut pembiayaan Islam. MITP Sdn. Bhd. telah menjual pinjaman yang diambil berjumlah RM240 juta kepada OSK Investment Bank Bhd. dengan harga RM409 juta dengan tempoh bayaran balik selama 10 tahun. Di bawah pembiayaan Islam, jika peminjam gagal menjelaskan bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan, bank berhak mendapat balik pinjaman dengan harga yang diakad. Memandangkan sejumlah RM165 juta telah dipulangkan balik oleh MITP Sdn. Bhd. kepada OSK Investment Bank Bhd. kerana tidak dapat digunakan, maka baki pinjaman termasuk bayaran keuntungan serta kos gantirugi tambahan yang perlu dibayar oleh MITP Sdn. Bhd. berjumlah RM209 juta.

4.6.7 Wakil dari OSK Investment Bank Bhd. juga memaklumkan bahawa pihaknya telah beberapa kali membuat perundingan dengan MITP Sdn. Bhd. sebelum mengisytiharkan *event of default* tetapi MITP Sdn. Bhd. masih gagal membuat sebarang bayaran. Sehubungan dengan ini, MITP Sdn. Bhd. juga masih boleh membincang dengan pihaknya untuk mendapat *rebate* dan menjadualkan semula pinjamannya setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Pandangan/Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Jawatankuasa mendapati wakil MITP Sdn. Bhd. dan wakil LKIM serta wakil-wakil daripada agensi Kerajaan yang lain perlu membincang mengenai ketidakupayaan pihak tersebut membuat bayaran balik kepada OSK Investment Bank Bhd. dan menjadualkan semula pinjamannya serta mendapat pengurangan (*rebate*) yang sepatutnya.

4.7 Kedudukan Terkini Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia

Mengikut taklimat yang diberi oleh Ketua Pengarah, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kepada ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara semasa lawatan ke tapak projek di Batu Maung, Pulau Pinang pada 12 Januari 2011, pihaknya sedang mengambil beberapa tindakan setelah projek ini diberhentikan dan antaranya adalah seperti berikut:

4.7.1 Pada 3 Jun 2010, LKIM telah menerima surat daripada peguam MITP Sdn. Bhd. memaklumkan bahawa pihaknya akan menyerah balik kawasan konsesi dan "*discontinue the management*" selepas 15 Jun 2010 jika LKIM tidak mengambil

sebarang tindakan terhadap MITP Sdn. Bhd. Pada 9 Jun 2010, LKIM mengeluarkan notis kepada MITP Sdn. Bhd. untuk mengambil alih kawasan konsesi secara sementara selaras dengan klausa 29(1) dalam Perjanjian Konsesi. Mulai 12 Jun 2010, kawasan konsesi berada di bawah kawalan LKIM. Seterusnya, LKIM telah menempatkan 17 orang kakitangan yang sedia ada untuk menguruskan operasi pelabuhan ini.

4.7.2 Terdapat juga beberapa masalah operasi yang perlu ditanggung oleh LKIM seperti bil bekalan air yang tertunggak berjumlah RM89,000 dan bil elektrik berjumlah RM130,768. Selain itu, kemudahan asas yang terbiar perlu pembaikan dan dianggarkan kosnya berjumlah RM1.7 juta dan terdapat banyak sewaan dan caj tidak direkodkan serta tiada resit dikeluarkan untuk menyokong penerimaan hasil ini semasa MITP Sdn Bhd. mengurus operasi pelabuhan ini.

Pandangan/Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) perlu mengurus dan melaksanakan operasi pelabuhan ini dengan teratur mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. LKIM juga perlu menyiasat sewaan dan caj yang tidak direkodkan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.

4.7.3 Beberapa tindakan mahkamah telah diambil oleh pihak-pihak yang mempunyai kepentingan seperti berikut:

a) OSK vs MITP Sdn. Bhd. di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Tuntutan oleh OSK terhadap MITP Sdn. Bhd. berjumlah RM208.62 juta telah difailkan pada 24 Mei 2010. OSK telah memfailkan permohonan penghakiman terus (*summary judgment*) dan berjaya mendapatkan penghakiman yang memerintahkan supaya MITP Sdn. Bhd. membayar wang yang dituntut serta kos dan gantirugi tambahan kepada OSK pada 19 Oktober 2010.

b) Malaysian International Tuna Port Sdn. Bhd. (MITP) vs Dato' Mohd Mokhtar Bin Ismail serta 5 yang lain

Mahkamah telah membatalkan tuntutan MITP pada 8 November 2010 berdasarkan pada alasan bahawa Tetuan Puthucheary tidak mempunyai mandat untuk bertindak bagi pihak MITP dan pengarah-pengarah yang dinamakan hanyalah merupakan pengarah 'nominee' sahaja yang tidak memainkan peranan aktif dalam pengurusan MITP.

c) Bindforce Sdn. Bhd. & Dato' Annuar Zaini Haji Binyamin vs LKIM

Tuntutan Bindforce terhadap LKIM berjumlah RM775 juta manakala tuntutan Dato' Annuar Zaini bin Haji Binyamin terhadap LKIM berjumlah RM8.70 juta. LKIM telah diperintah untuk memfailkan pembelaan terhadap kedua-dua tuntutan ini dan telah memfailkan pembelaan berkenaan. Pengurusan kes telah ditetapkan pada 26 November 2010.

5.0 PANDANGAN KESELURUHAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Secara keseluruhannya, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara berpendapat bahawa Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna di Batu Maung adalah satu projek yang berdaya maju berpandukan kepada kedudukan kompleks dan kemudahan infrastruktur dipersekitarannya. Bagaimanapun, projek ini telah diuruskan oleh pengurusan yang tidak kompeten (*incompetent management*) dari kedua-dua pihak iaitu Bindforce Sdn. Bhd. dan LKIM menyebabkan projek ini gagal. Selain itu, modal projek ini bergantung semata-mata atas pinjaman bank (*highly geared project*) dan MITP Sdn. Bhd. mengharapkan hasil daripada projek ini untuk membayar balik pinjaman yang diperolehi. Apabila projek ini gagal siap dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak dapat menjanakan hasil, maka pinjaman yang diperolehi tidak dapat dibayar balik.

6.0 PERKARA LAIN YANG PERLU DIBERI PERHATIAN OLEH KERAJAAN

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara juga perhatikan bahawa jika syarikat yang memberi penarafan (*Rating Agency*) memperolehi surat sokongan daripada Kerajaan, maka bon yang diterbitkan untuk membiayai sesuatu projek berkenaan akan mendapat penarafan yang tinggi iaitu berstatus "AAA" atau yang setaraf dengannya walaupun projek yang akan dilaksanakan tidak berdaya maju (*not viable*).

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara menegaskan setiap agensi tidak boleh mengeluarkan sebarang surat sokongan yang melibatkan kepentingan Kerajaan kecuali dengan kelulusan Kementerian Kewangan selaras dengan Seksyen 14 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957.

Proceeds raised from BAIS shall be utilized as follows:

Purpose	Amount Of Proceeds (Up To RM)
i) Firstly, for payment of fees and expenses relating to issuance of the BAIS and the bridging loan facility of up to RM40.0 million granted to MITP by RHB INVESTBANK ("Bridging Loan"),	3,200,000
ii) Secondly, to pre-fund the Finance Service Reserve Account 1 with two (2) profit payments,	22,000,000
iii) Thirdly, to pre-fund the Finance Service Account 2 with all profit payments due and payable during the construction period of the remaining Additional Facilities,	33,000,000
iv) Fourthly, for repayment/refinancing of the Bridging Loan,	40,000,000
v) Fifthly, for financing the construction cost (including related fees and expenses) of the remaining Additional Facilities,	135,000,000
vi) Sixthly, for purchase of Ancillary Facilities; and	6,000,000
vii) Lastly, for working capital requirements of the Issuer.	Balance
Total	240,000,000

PANDANGAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

PANDANGAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARA	PANDANGAN & SYOR
4.1	Kerajaan berkemungkinan mengalami kerugian sebanyak RM209 juta kerana ketidakupayaan MITP Sdn. Bhd. melaksanakan Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia serta Unit Perancang Ekonomi sepatutnya melaksanakan <i>due diligence</i> untuk menentukan keupayaan aliran tunai dan kemampuan Bindforce Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek pelabuhan tuna ini. Unit Perancang Ekonomi yang membuat keputusan muktamad mengenai projek penswastaan ini juga perlu bertanggungjawab terhadap kegagalan projek ini.
4.2	Memandangkan masa yang lama diambil untuk mematuhi kehendak Jabatan Alam Sekitar dan memindah penternak ikan dalam sangkar, MITP Sdn. Bhd. tidak dapat meneruskan projek ini walaupun sejumlah RM30 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan Fasa 3.
4.3	Jawatankuasa berpendapat wujud unsur kecuaiian (<i>negligence</i>) dan kelemahan pengurusan yang ketara yang dilakukan oleh pihak pengurusan LKIM kerana wakil LKIM yang dilantik untuk memantau projek tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab sewajarnya. Ketua Pengarah LKIM yang berada dalam Lembaga Pengarah MITP Sdn. Bhd. sepatutnya memberi perhatian serius terhadap pemantauan projek ini untuk menjaga kepentingan Kerajaan.
4.4	Berpandukan kepada perenggan 4.4.3 di atas, penasihat Undang-undang Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani memaklumkan bahawa perkataan "<i>ensure</i>" yang dinyatakan dalam surat sokongan yang dikeluarkan membawa makna "menjamin / memastikan / menentukan" dan berkemungkinan membawa implikasi undang-undang kepada Kerajaan. Dengan itu, surat sokongan yang dikeluarkan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) bersifat jaminan daripada Kerajaan yang meletakkan tanggungan terhadap Kerajaan. Surat ini dikeluarkan tanpa mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Tatacara Kewangan 1957.

	Selain itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) juga merupakan wakil Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dalam Lembaga Pengarah MITP Sdn. Bhd pada ketika itu. Memandangkan beliau juga yang menandatangani surat sokongan itu, secara tidak langsung sama ada disedari atau tidak disedari wujud unsur-unsur <i>conflict of interest</i> dalam kes ini. Kementerian Kewangan hendaklah memastikan setiap pegawai yang dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah tidak mempunyai kepentingan dalam membuat keputusan bagi mengelakkan <i>conflict of interest</i>.
4.6	Jawatankuasa mendapati wakil MITP Sdn. Bhd. dan wakil LKIM serta wakil-wakil daripada agensi Kerajaan yang lain perlu membincang mengenai ketidakupayaan pihak tersebut membuat bayaran balik kepada OSK Investment Bank Bhd. dan menjadualkan semula pinjamannya serta mendapat pengurangan (<i>rebate</i>) yang sepatutnya.
4.7	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) perlu mengurus dan melaksanakan operasi pelabuhan ini dengan teratur mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. LKIM juga perlu menyiasat sewaan dan caj yang tidak direkodkan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.
5.0	Secara keseluruhannya, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara berpendapat bahawa Projek Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna di Batu Maung adalah satu projek yang berdaya maju berpandukan kepada kedudukan kompleks dan kemudahan infrastruktur dipersekitarannya. Bagaimanapun, projek ini telah diuruskan oleh pengurusan yang tidak kompeten (<i>incompetent management</i>) dari kedua-dua pihak iaitu Bindforce Sdn. Bhd. dan LKIM menyebabkan projek ini gagal. Selain itu, modal projek ini bergantung semata-mata atas pinjaman bank (<i>highly geared project</i>) dan MITP Sdn. Bhd. mengharapkan hasil daripada projek ini untuk membayar balik pinjaman yang diperolehi. Apabila projek ini gagal siap dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak dapat menjanakan hasil, maka pinjaman yang diperolehi tidak dapat dibayar balik.

6.0	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara juga perhatikan bahawa jika syarikat yang memberi penarafan (<i>Rating Agency</i>) memperolehi surat sokongan daripada Kerajaan, maka bon yang diterbitkan untuk membiayai sesuatu projek berkenaan akan mendapat penarafan yang tinggi iaitu berstatus "AAA" atau yang setaraf dengannya walaupun projek yang akan dilaksanakan tidak berdaya maju (<i>not viable</i>). Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara menegaskan setiap agensi tidak boleh mengeluarkan sebarang surat sokongan yang melibatkan kepentingan Kerajaan kecuali dengan kelulusan Kementerian Kewangan selaras dengan Seksyen 14 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957.
-----	--